

## **THE EFFECTIVENESS OF BEHAVIORAL REHABILITATION JUVENILE PROGRAMMES IN HENRY GURNEY SCHOOL AND TUNAS BAKTI SCHOOL**

**Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj. Yahaya**

Yow Kiaw Geok

Universiti Teknologi Malaysia

Amir Hamzah Abdul

Universiti Utara Malaysia

### **ABSTRACT**

The purpose of this research is to evaluate the effectiveness of the programmes conducted by three rehabilitation centres for delinquents. In these centres, the delinquents undergo programmes which aimed to give guidance and help the delinquents change their unwanted behaviour. Questionnaires and interview were used as instruments. The questionnaires used are adapted from the research done by Azizi (1999). Alpha Cronbach is used to test the reliability of this research. It showed that the overall Alpha value for the whole programme is 0.91. The Alpha value for the Academic, Vocational, Co-Curriculum, Religious Knowledge and Counseling Programme are 0.91, 0.89, 0.91, 0.92 dan 0.92 respectively. To ensure reliability of the research, interviews were conducted with the officers and the adolescents. Descriptive statistics were used to analyze the respondents' demographic factor and the effectiveness of the programmes. The sample consists of 184 respondents which were chosen at simplified random. The variables used in the research are the Academic, Vocational, Co-Curriculum, Religious Knowledge and Counseling Programme. The data was analyzed by using SPSS (*Statistical Package for the Social Science*). Findings have shown that Vocational, Religious Knowledge and Counseling Programme to be less effective compared with the Academic and Co-Curriculum Programme. To test the hypothesis, inferential statistics such as the t- test was used. The results of the research showed that there is no significant difference in the way the academic programme was carried out in these two schools, namely Sekolah Henry Gurney and Sekolah Tunas Bakti. There are significant differences between the vocational, co-curriculum, religious knowledge and counseling programmes in these two schools.

### **Pengenalan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang konservatif dengan kebudayaan timurnya. Walau bagaimanapun, penularan budaya hedonisme yang dibawa dari barat sedikit sebanyak telah mencemarkan budaya sedia ada dan melonggarkan sistem kawalan sosial yang terdapat di negara ini. Menurut Moha Asri ( 1997 ), keruntuhan nilai sosial di kalangan masyarakat di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru. Ia dikatakan mula menular dalam kehidupan masyarakat Malaysia pada awal tahun 1960an. Malah peningkatan gejala keruntuhan nilai sosial ini semakin berleluasa pada akhir tahun 1980an sehingga ke hari ini. Keadaan ini amat membimbangkan kerana kebanyakan mereka yang terlibat dalam gejala ini terdiri dari golongan remaja yang merupakan aset penting bagi masa depan negara.

Sebagai negara yang sebahagian besar penduduknya terdiri dari golongan muda mudi, maka keadaan tersebut sudah seharusnya dipandang berat bukan sahaja di pihak Kerajaan tetapi ahli masyarakat sendiri. Ia bukan sahaja boleh menjelaskan kualiti hidup masyarakat akan datang tetapi keruntuhan akhlak masa kini akan menjelaskan maruah negara ini ( Jaafar, 1989 ). Oleh itu pencegahan dan pemulihan adalah penting supaya dapat menghindarkan dari seterusnya masalah ini di samping menggalakkan penghayatan nilai-nilai murni semoga usaha-usaha ini melahirkan pemimpin dan rakyat yang mempunyai ketahanan diri dan bermaruah.

Seperti yang kita sedia maklum, gejala sosial jelas bertambah rumit dan lebih mencabar terutama dengan kemajuan Teknologi Maklumat yang memberi kesan positif dan juga negatif kepada remaja hari ini. Dunia tanpa batasan ternyata memberikan maklumat yang pelbagai kepada remaja.

Bagi mereka yang dapat menilai dan memanfaatkan kemajuan Teknologi Maklumat ini adalah suatu kelebihan tetapi bagaimana pula dengan mereka yang salah gunakan kemudahan ini sehingga melupakan identiti agama, adab dan rukun Budaya Ketimuran? Hanya dengan bimbingan agama dan kasih sayang yang mencukupi daripada ibu bapa dan keluarga, barulah remaja dapat membezakan ilmu yang buruk dan yang baik.

Menurut laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kes juvana semakin meningkat dan trend terkini melibatkan kanak-kanak berumur antara tujuh dan sembilan tahun. Kenakalan kanak-kanak sekarang ini berbeza berbanding di masa lalu kerana kini mereka terbabit dengan vandalisme, mencuri dan sebagainya.

Juvana kesalahan merupakan remaja yang dihadapkan ke Mahkamah kerana melakukan berbagai kesalahan seperti bersabit dengan mencuri, bersabit dengan orang, kesalahan bersabit seks, melanggar ordinan tahanan, judi, melanggar undang-undang kecil perbandaran, lalu-lintas, tidak terkawal dan lain-lain. Mengikut Statistik Perkhidmatan Jabatan Kebajikan Malaysia, Juvana bersalah yang ditangkap sehingga tahun 2002 ialah seramai 5319 orang.

Merujuk pada Jadual 1.1 remaja Melayu didapati mendahului remaja lain dalam melakukan pelbagai kesalahan juvana. Secara perbandingan jenis kesalahan juvana, lebih kurang 50 % adalah bersabit dengan harta benda iaitu terbabit dalam

kes rompakan atau mencuri. Pada tahun 2002, jenis kesalahan ini mencatat sebanyak 3250 kes daripada 5319 (sebanyak 61%). Manakala jenis kesalahan bersabit dengan orang ialah terbabit kes mengugut, bergaduh dan sebagainya. Jenis kesalahan ini makin meningkat sejak tahun 1997 dan tercapai sebanyak 602 kes pada tahun 2002. (Jadual 1.2)

**Jadual 1.1: Juvana Bersalah Mengikut Etnik**

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1996	2,564	723	419	505	<b>4,211</b>
1997	2,825	679	593	493	<b>4,590</b>
1998	3,836	1,072	814	616	<b>6,338</b>
1999	3,792	837	654	417	<b>5,700</b>
2000	3,442	869	613	360	<b>5,284</b>
2001	3,459	831	614	278	<b>5,182</b>
2002	3,705	698	566	350	<b>5,319</b>

Punca: Statistik Perkhidmatan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

**Jadual 1.2: Kesalahan Juvana Mengikut Jenis Kesalahan**

Jenis Kesalahan	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Bersabit dengan harta benda	2,932	3,950	3,790	3,401	3,060	3,250
Bersabit dengan orang	341	586	497	467	524	602
Kesalahan jantina	53	84	84	98	70	79
Melanggar Ordinan Tahanan	38	65	68	22	43	22
Dadah	476	559	428	442	506	562
Judi	132	139	88	98	131	72
Senjata/bahan api	55	56	47	59	83	76
Lalulintas	287	522	427	389	327	205
Memiliki senjata	39	55	39	38	41	48
Lain-lain	227	322	232	270	397	403
<b>Jumlah</b>	<b>4,590</b>	<b>6,338</b>	<b>5,700</b>	<b>5,284</b>	<b>5,182</b>	<b>5,319</b>

Punca: Statistik Perkhidmatan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

Jadual 1.3 memberi gambaran bahawa negeri Selangor mendahului negeri lain dalam jumlah kes kesalahan juvana yang dilaporkan setiap tahun. Keadaan ini diikuti oleh Kuala Lumpur dan Perak

yang masing-masing terdapat jumlah kes yang banyak juga. Labuan dan Melaka pula adalah negeri yang paling kurang bilangan kes juvana bersalah.

Institusi Sekolah Henry Gurney (dan juga rangkaian Sekolah Tunas Bakti yang lain) diwujudkan untuk menempatkan tahanan remaja yang dijatuhan hukuman oleh Mahkamah Juvana. Kuasa-kuasa menahan remaja ini terkandung dalam Seksyen 39(1) Akta Mahkamah Juvana 1947 (“Akta 90”) seperti di bawah:

“Jika seseorang budak didapati bersalah atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara dan pada hemat Mahkamah Juvana:

- a. Pesalah itu berumur tidak kurang daripada 14 tahun dan di bawah 18 tahun; dan
- b. Oleh sebab jenis kesalahan itu atau oleh sebab tabiat atau kecenderungan jenayah pesalah itu atau pergaulannya dengan orang-orang yang berwatak tidak baik, adalah sesuai atau bermanfaat bahawa pesalah itu ditahan selama sesuatu tempoh dan diletakkan di bawah sesuatu arahan dan tatatertib yang difikirkan paling berfaedah untuk memulihkan akhlaknya dan untuk membanteras jenayah;

**Jadual 1.3: Kesalahan Juvana Mengikut Negeri**

Negeri	1999	2000	2001	2002
Johor	538	585	568	381
Kedah	515	315	358	342
Kelantan	345	307	366	347
Melaka	122	82	97	70
Negeri Sembilan	391	479	319	263
Pahang	299	266	383	342
Perak	675	583	529	519
Perlis	72	40	78	124
Pulau Pinang	452	512	471	351
Selangor	962	878	831	903
Terengganu	286	372	251	406
Kuala Lumpur	276	296	528	777
Labuan	9	9	16	0
Sabah	175	130	121	191
Sarawak	583	430	266	303
<b>Jumlah</b>	<b>5,700</b>	<b>5,284</b>	<b>5,182</b>	<b>5,319</b>

Punca: Statistik Perkhidmatan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

Maka adalah sah maka di sini undang-undang bagi mahkamah menghantar pesalah itu ke Sekolah Henry Gurney.”

### Latar Belakang Masalah

Masalah juvana memang perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh semua pihak. Jika tidak ia mudah melarat. Ini adalah kerana sebagai lapisan masyarakat yang masih muda, mereka mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang negatif. Adalah diandaikan bahawa sebilangan besar mereka adalah datang daripada keluarga yang borak peranda atau telah berpecah belah. Ini mengakibatkan mereka terabai, sama ada daripada kasih sayang mahupun pendidikan.

Menurut perangkaan Jabatan Penjara Malaysia yang berakhir pada 25 Oktober 2001 terdapat seramai 1714 banduan muda di penjara di mana yang belum disabitkan kesalahan ialah seramai 887 dan yang sudah disabitkan ialah 827. Jumlah keseluruhan banduan dan tahanan juvana di penjara pusat pemulihan akhlak dan Sekolah Henry Gurney adalah seramai 29642. Jumlah yang ditahan di Sekolah Henry Gurney adalah seramai 740 orang. Terdapat 5 buah Sekolah Henry Gurney di Malaysia iaitu: (Laporan Lawatan SUHAKAM, 2001)

1. Sekolah Henry Gurney Teluk Mas, Melaka
2. Sekolah Henry Gurney Dusun Murad, Melaka ( telah ditutup)
3. Sekolah Henry Gurney, Batu Gajah, Perak
4. Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah dan
5. Sekolah Henry Gurney Kota Kinabalu, Sabah

Persidangan Dewan Negara diberitahu sehingga Oktober lepas terdapat 587 penghuni di empat buah sekolah pemulihan Henry Gurney di seluruh negara. Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Abu Zahar berkata daripada jumlah itu 416 orang di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka, 122 di Keningau dan 7 di Kota Kinabalu (kedua-duanya di Sabah), dan 42 di Batu Gajah, Perak (hanya untuk wanita). (Bernama, 5 November. 2003)

### **Pernyataan Masalah**

Sejak kebelakangan ini, golongan remaja semakin mendapat perhatian daripada segenap lapisan masyarakat. Media massa juga sering kali menyiarkan pelbagai berita dan cerita tentang jenayah remaja yang masih bersekolah dan pelbagai masalah sosial yang melanda mereka ini. Penyelidik berpendapat, mengutarakan berita sedemikian bukanlah langkah untuk menyelesaikan kemelut ini. Apa yang penting, kita perlu mengkaji secara mendalam dengan mengenal pasti isu sebenar, menyenaraikan punca-punca dan cuba mencari alternatif penyelesaian terhadap permasalahan ini.

Pelbagai program seperti akademik, vokasional, ko-kurikulum, keagamaan dan bimbingan dan kaunseling telah dianjurkan dan diikuti oleh para penghuni. Apabila dibebaskan, penghuni-penghuni juga menerima sijil daripada institusi berkaitan (sijil ini tidak mengandungi nama institusi untuk mengurangkan stigma bekas penghuni yang mengikuti institusi ini). Akan tetapi, sijil tersebut tidak dapat mengesahkan tahap kemahiran penghuni-penghuni dalam sesuatu bidang yang dapat mempertingkatkan lagi peluang pekerjaan penghuni-penghuni ataupun peluang untuk melanjutkan lagi kemahiran mereka di institusi-institusi Pengajian Tinggi.

Persoalan yang ingin ditimbulkan sini ialah sama ada program pemulihan yang dijalankan oleh institusi pemulihan akhlak tersebut mampu mengubah sikap pelatih agar tidak mengulangi kesalahannya. Selain daripada itu, juga meninjau sikap pelatih terhadap program-program pemulihan yang dilaksanakan.

Justeru, penyelidik berpendapat satu kajian perlu dilaksanakan di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti yang dikenal pasti untuk mengkaji sejauh mana keberkesanannya program latihan akademik, vokasional, ko-kurikulum keagamaan serta bimbingan dan kaunseling.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk mengetahui keberkesanannya program latihan dan pemulihan di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti. Objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- 1 Mengenal pasti keberkesanannya program latihan akademik dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.
- 2 Mengenal pasti keberkesanannya program latihan vokasional dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.
- 3 Mengenal pasti keberkesanannya program ko-kurikulum dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.
- 4 Mengenal pasti keberkesanannya program keagamaan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.
- 5 Mengenal pasti keberkesanannya program bimbingan dan kaunseling dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.

### **Persoalan Kajian**

Beberapa persoalan kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian adalah seperti berikut:

- 1 Adakah faktor program latihan akademik berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?
- 2 Adakah faktor program latihan vokasional berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?
- 3 Adakah faktor program ko-kurikulum berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?
- 4 Adakah faktor program keagamaan berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?

- 5 Adakah faktor program bimbingan dan kaunseling berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?

### **Hipotesis kajian**

Di antara hipotesis kajian ini ialah:

- H<sub>o</sub>1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program akademik di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.
- H<sub>o</sub>2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program vokasional di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.
- H<sub>o</sub>3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program ko-kurikulum di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.
- H<sub>o</sub>4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program keagamaan di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.
- H<sub>o</sub>5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program bimbingan dan kaunseling di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.

### **Kepentingan Kajian**

Secara tidak langsung kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada ahli keluarga yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pemulihan agar mereka mampu dan berupaya memberi bantuan dan sokongan kepada ahli keluarga mereka agar menghindarkan dari jenayah dan dapat memperbaiki keadaan pelatih yang terlibat melalui program-program yang dicadangkan.

Kepada pentadbir pusat-pusat ini, kajian ini juga menilai kesesuaian program-program yang telah dijalankan dalam memenuhi matlamat asas penubuhan pusat pemulihan ini. Pentadbir juga boleh merangka program yang bersesuaian dengan permintaan semasa dan pada masa sama membantu pelatih membentuk dan memperkembangkan jasmani, emosi, rohani dan intelek mereka.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan di kalangan juvana di dua buah Sekolah Henry Gurney, iaitu di Sekolah Henry Gurney di Teluk Mas, Melaka (pelatih lelaki), Sekolah Henry Gurney, Batu Gajah, Perak (pelatih perempuan) serta Sekolah Tunas Bakti di Sg. Besi. Kajian ini hanya dapat dijalankan di kedua-dua buah Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti yang terdapat di Semenanjung Malaysia sahaja.

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian tentang keberkesanan program akademik, vokasional, ko-kurikulum, keagamaan dan kaunseling yang dijalankan di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti dilakukan secara deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumennya pula berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada pelatih untuk dijawab. Menurut Skager dan Weinberd (1979) soal selidik merupakan instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif. Tuckmen (1988) menyatakan bahawa kerjasama daripada responden mudah diperoleh menerusi kaedah ini. Mereka bebas membuat pilihan dan menilai mengikut keperluan soal selidik. Penyelidik juga ambil peluang untuk menemu bual pegawai, pelatih dan jalankan pemerhatian ke atas kelengkapan dan tingkah laku pelatih.

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengumpulkan maklumat dan data-data mengenai program yang telah dan sedang dilaksanakan di Sekolah Henry Gurney Teluk Mas, Sekolah Henry Gurney, Batu Gajah dan Sekolah Tunas Bakti, Sungai. Besi. Seterusnya ujian statistik yang sesuai akan digunakan dalam menganalisis data-data yang diperoleh. Data-data yang dikumpulkan adalah untuk meninjau keberkesanan program akademik, ko-kurikulum, vokasional, keagamaan dan kaunseling di pusat ini.

## **Lokasi Kajian**

Kajian ini dilaksanakan di kalangan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan pusat pemulihan akhlak, iaitu di Sekolah Henry Gurney di Teluk Mas, Melaka (lelaki), Sekolah Henry Gurney, Batu Gajah, Perak (perempuan) dan Sekolah Tunas Bakti, Sg. Besi (lelaki).

Sekolah Tunas Bakti merupakan institusi terbuka yang mempunyai peraturan dan tata tertib tertentu yang perlu dipatuhi. Jadual waktu harian yang telah ditetapkan mesti diikuti oleh setiap pelatih seperti waktu bangun pagi, waktu belajar, latihan amali, waktu makan, waktu riadah dan waktu tidur. Hukuman akan dijatuhkan apabila perlu, dengan cara pembatalan keistimewaan yang telah diberi, contohnya cuti balik ke kampung, wang saku dan aktiviti perkelahan.

## **Populasi dan Sampel Kajian**

Sampel kajian dalam penyelidikan ini telah menggunakan Kaedah Pensampelan Rawak Jenis Mudah. Pensampelan jenis ini dipilih kerana bersesuaian dengan keadaan sampel yang terdiri daripada pelatih-pelatih di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Sekolah Henry Gurney Batu Gajah, dan Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi, di mana terdapat beberapa sekat daripada pihak pentadbiran, undang-undang dan etika dalam usaha mendapatkan sampel dan maklumat. Terdapat juga pelatih-pelatih yang terpaksa mengikuti program yang telah disusun atur, terlibat dalam bengkel serta bekerja di luar institusi. Memandangkan kajian ini ingin meninjau keberkesanan program, jadi sampelnya adalah terdiri daripada mereka yang telah mengikut program akademik, vokasional, kokurikulum, keagamaan dan kaunseling sekurang-kurang enam bulan.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan bahawa pensampelan yang dipilih adalah daripada kalangan pelatih-pelatih di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Sekolah Henry Gurney Batu Gajah dan Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi. Mereka ini terdiri daripada pelatih-pelatih yang telah ditempatkan di pusat-pusat tersebut dan telah mengikut program khas sekurang-kurangnya satu tahun.

Secara keseluruhannya kajian ini melibatkan 184 orang pelatih yang mewakili ketiga-tiga pusat ini dan mempunyai latar belakang serta kes yang berbeza. Majoriti sampel yang dipilih berumur di bawah 21 tahun. Mereka ditahan dan ditempatkan di pusat-pusat ini atas arahan mahkamah mengikut bidang kuasa Akta Juvana. Bagaimanapun ada juga pelatih yang ditempatkan atas permintaan keluarga.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik Tuckman (1978) berpendapat instrumen berbentuk soal selidik dan temu bual merupakan dua cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden selain daripada membuat pemerhatian terhadap tingkah laku mereka. Satu set soalan selidik telah dibentuk untuk diedarkan kepada responden. Soal selidik ini telah diubah suai daripada kajian Azizi (1999) tentang Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program di Pusat Pemulihan Akhlak di Semenanjung Malaysia dengan bimbingan penyelia kajian. Sebanyak 220 set borang soal selidik telah disediakan oleh penyelidik. Cates (1990) menyatakan bahawa kaedah soal selidik adalah bagus dan amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai

## **Kajian Rintis**

Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menguji semula kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian seterusnya dijalankan. Sebanyak 30 orang responden telah dipilih daripada populasi secara rawak untuk menjadi responden menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik. Mereka telah dikumpulkan pada masa dan tempat yang sama untuk menjawab semua soal selidik dengan diawasi oleh penyelidik.

Kebolehpercayaan Sub-skala keberkesanan program-program di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti dengan menggunakan kaedah Cronbach. Keputusan nilai alpha berada pada 0.89 hingga 0.92 dan nilai keseluruhannya ialah pada 0.91.

## **Analisis Data**

Data-data yang diperoleh telah dianalisis dengan bantuan komputer melalui program SPSS. Penganalisan data ini melibatkan penggunaan statistik deskriptif iaitu peratus digunakan untuk melihat taburan skor faktor demografi iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, kadar residivisme, tempat tinggal dan sebagainya. Pada masa yang sama kekerapan, min dan sisihan piawaian diaplikasikan untuk mengesan keberkesanan program-program dengan pelatih-pelatih yang terlibat.

## **Dapatan Kajian**

Perbincangan ini tertumpu kepada menjawab soalan-soalan kajian dan untuk memastikan objektif kajian tercapai.

### **1      Adakah faktor program akademik berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?**

Secara keseluruhan didapati Program Akademik adalah pada tahap tinggi keberkesanan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti. Keseluruhan min untuk keberkesanan program akademik ialah 3.83 dan sisihan piawai sebanyak 0.53. Keputusan ini agak di luar sangkaan penyelidik memandangkan kekurangan tenaga pengajar akademik yang serius di kedua-dua buah Sekolah Henry Gurney.

Dapatan menunjukkan peratus responden menjawab pernyataan tertinggi dalam faktor guru selalu membantu membetulkan kesilapan akademik dengan 82.8% menyatakan setuju, 12.1% tidak pasti, dan 5.1% menyatakan tidak setuju. Min bagi item ini ialah 4.24 dan sisihan piawai bernali 0.99.

Bagi pernyataan kedua tertinggi, 82.1% responden berharap pusat pemulihan dapat mempertingkatkan bimbingan akademik yang ada, 11.6% tidak pasti tentang pernyataan ini dan 6.3% responden tidak setuju dengan pandangan ini. Min item ini ialah 4.24 dan sisihan piawai 0.95.

Pada pernyataan ketiga tertinggi responden berpendapat nasib mereka baik kerana dapat mengikut latihan akademik di pusat ini. Pada keseluruhan 81.2% bersetuju dengan pandangan ini, 11.4% yang mengata tidak pasti dan hanya 7.4% yang tidak setuju. Minnya berada pada 4.09 dan sisihan piawai bernali 0.93.

### **2      Adakah faktor program vokasional berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?**

Hasil dapatan dari program vokasional, majoriti responden (62.4%) memberikan tahap yang sederhana berkesan kepada program ini dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti. Min keseluruhan program latihan vokasional adalah sederhana (3.47) dan sisihan piawai keseluruhan berada pada 0.48.

Pada kenyataan yang mereka rasa sungguh seronok bila menyertai program vokasional yang dikelolakan oleh pusat ini, sebanyak 78.8% responden bersetuju dengan kenyataan ini. Min item ini ialah 4.13, menunjukkan lebih daripada separuh responden mengakui pernyataan ini adalah benar.

77.6% responden bersetuju bahawa program yang dirancang berjaya membentuk diri mereka menjadi lebih berkemahiran. 12% sampel menandakan tidak pasti dan 10.4% responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Min pernyataan ini berada di 4.05 dan sisihan piawai bernali 1.07.

Bagi pernyataan menggunakan masa lapang yang ada untuk meningkatkan kemahiran vokasional menduduki peratusan ketiga tertinggi di mana 72.9% bersetuju dengan pernyataan ini, 14.7% tidak pasti dan 12.5% tidak setuju. Minnya tercatat 4.13 dan sisihan piawai 1.07.

### **3      Adakah faktor program ko-kurikulum berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?**

Hasil kajian membuktikan bahawa keberkesanan program ko-kurikulum adalah pada tahap tinggi dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti. Ini dapat dilihat dalam jadual 4.26 di mana 107 orang (58.3%) responden menilai keberkesanan program ko-kurikulum pada tahap tinggi. 75 orang (40.6%) menyatakan keberkesanan program ko-kurikulum pada tahap sederhana dan 2 orang (1.1%) menyatakan keberkesanan program pada tahap rendah. Min keseluruhan pada 3.76 dan sisihan piawai keseluruhan berada pada 0.59.

Bagi pernyataan tertinggi ialah aktiviti berkawat dapat membantu meningkatkan disiplin diri. 84.2% responden bersetuju dengan pendapat ini, 9.2% menyatakan tidak pasti dan 6.3% tidak bersetuju.

Pernyataan menunjukkan peratusan yang kedua tertinggi ialah program yang dirancang berjaya membentuk diri menjadi lebih berdisiplin dengan yang bersetuju sebanyak 80.3%. Mereka yang tidak setuju sebanyak 6.5% dan 13.1% menyatakan tidak pasti.

Sebanyak 72.8% responden bersetuju bahawa aktiviti ko-kurikulum banyak memberi pendedahan kepada mereka tentang keindahan alam, semangat setia kawan dan kebebasan. Mereka yang tidak bersetuju ialah sebanyak 10.3% dan yang tidak pasti ialah 16.8%. Min item ini sebanyak 3.97 dengan sisihan piawai 1.11.

#### **4 Adakah faktor program keagamaan berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?**

Dapatan hasil kajian menunjukkan keberkesanan program keagamaan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti adalah sederhana iaitu sebanyak 96 orang responden (52.0%) nilainya pada tahap sederhana iaitu kurang berkesan. Min keseluruhan program pada 3.65 dan sisihan piawai keseluruhan adalah sebanyak 0.54.

Hampir semua responden (90.7%) bersetuju bahawa aktiviti dan pendidikan agama yang diajar amat berfaedah seperti dapatan min 4.49. Sedikit iaitu 3.2% menandakan tidak setuju dan tidak pasti 6.0% tentang pernyataan ini.

Bagi pernyataan yang mengandungi peratusan kedua tinggi, responden berpendapat pengajar agama pandai menarik perhatian pelatih semasa mengajar. Sebanyak 71% responden menyokong pernyataan ini, 15.3% tidak pasti dan 13.7% yang tidak setuju.

#### **5 Adakah faktor program bimbingan dan kaunseling berkesan dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti?**

Secara keseluruhan didapati keberkesanan program bimbingan dan kaunseling dalam proses pemulihan pelatih di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti adalah pada tahap yang sederhana 49.5% (kurang berkesan). Min keseluruhan program ialah 3.58 dan sisihan piawai keseluruhan pada 0.74.

Majoriti responden (79.3%) yakin dan percaya bahawa kaunselor bertujuan untuk membantu mengatasi masalah mereka. 9.2% menyatakan tidak pasti untuk pernyataan ini dan 8.45% pula tidak setuju.

Item cara kaunselor melayan memperlihatkan minatnya yang mendalam dan ikhlas untuk membantu responden menduduki peratusan kedua tertinggi. 72.2% bersetuju, 19.6% tidak pasti dan 8.2% tidak setuju dengan pernyataan ini. Min bagi pernyataan ini ialah 3.95.

#### **Hipotesis**

##### **1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program akademik di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.**

Ujian t digunakan untuk menguji perbezaan min bagi program akademik, vokasional, ko-kurikulum, keagamaan dan kaunseling di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti. Aras signifikan dua arah yang digunakan ialah 0.010 ( $\alpha/2$ ). Nilai signifikan program akademik adalah dianggarkan sebanyak 0.195. Memandangkan nilai signifikan 0.195 lebih besar daripada 0.010, maka  $H_01$  gagal ditolak. Dengan kata lain tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program akademik di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.

##### **2 Terdapat perbezaan yang signifikan di antara program vokasional, ko-kurikulum, keagamaan serta bimbingan dan kaunseling di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.**

Nilai signifikan program vokasional adalah dianggarkan 0.000. Memandangkan nilai signifikan program vokasional, 0.000 adalah kurang daripada 0.010, maka  $H_02$  ditolak. Dengan kata lain terdapat perbezaan yang signifikan di antara program vokasional di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.

Nilai signifikan program ko-kurikulum adalah dianggarkan 0.004. Memandangkan nilai signifikan program ko-kurikulum, 0.004 adalah kurang daripada 0.010, maka  $H_03$  ditolak. Dengan kata lain

terdapat perbezaan yang signifikan di antara program ko-kurikulum di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.

Nilai signifikan program keagamaan adalah dianggarkan 0.008. Memandangkan nilai signifikan program keagamaan, 0.008 adalah kurang daripada 0.010, maka  $H_04$  ditolak. Dengan kata lain, terdapat perbezaan yang signifikan di antara program keagamaan di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.

Nilai signifikan program bimbingan dan kaunseling adalah dianggarkan 0.001. Memandangkan nilai signifikan program bimbingan dan kaunseling, 0.001 adalah kurang daripada 0.010, maka wujud perbezaan min yang signifikan. Dengan kata lain,  $H_05$  ditolak. Maka, terdapat perbezaan yang signifikan di antara program bimbingan dan kaunseling di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti.

Secara keseluruhan, terdapat perbezaan yang signifikan di antara program vokasional, ko-kurikulum, keagamaan serta bimbingan dan kaunseling di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti. Keadaan ini boleh difahamkan dari segi jenis kemudahan dan kelengkapan keempat-empat program di kedua-dua jenis institusi adalah berbeza. Untuk jenis kemahiran vokasional yang ditawarkan terdiri daripada kimpalan, kraf tangan, perabot rotan, tapak semaiian, jahit, dobi, bina bangunan, elektrik, masakan, batik, dan landskap. Sedangkan kemahiran vokasional yang ditawarkan di Sekolah Tunas Bakti lebih pada bahagian motor mekanik, pertukangan kayu, pertanian, bengkel roti, menerap bata dan pendawaian. Dari sini, kita mendapati suasana, bilik darjah dan persekitaran kedua-dua jenis sekolah ini adalah berbeza.

## Cadangan

Berdasarkan kepada keputusan yang diperoleh beberapa cadangan dikemukakan untuk diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan rawatan dan pemulihan juvana.

### 1 Akademik

Seperti yang disarankan oleh SUHAKAM, sebagai penyelesaian jangka masa pendek, masalah kekurangan guru akademik boleh diatasi dengan melantik guru-guru akademik secara kontrak. Di samping itu, institusi yang terlibat boleh mempelawa guru-guru yang berdekatan untuk mengisi kekosongan tersebut. Siri perbincangan harus sentiasa diadakan antara Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia agar masalah yang runcing ini boleh diselesaikan dengan kadar segera.

Pada pendapat penyelidik, setiap pelatih harus diwajibkan untuk mengikuti pendidikan akademik. Apatah lagi memang menjadi dasar kerajaan bahawa peluang pendidikan harus diberikan kepada setiap warganegara. Ini bermaksud setiap pelatih harus diwajibkan mengikuti program latihan akademik di anjurkan oleh pusat pemulihan masing-masing.

Tahap penyemaian minat adalah dianggap sebagai pemangkin dan pencetus untuk berjaya. Minat terhadap sesuatu bidang akan mendorong seseorang meneroka dengan lebih jauh lagi. Jadi melalui pelbagai kaedah dan teknik, minat pelatih harus ditimbulkan sebelum memulakan program berkaitan.

### 2 Vokasional

Memandangkan pengajaran vokasional lampau yang ada pada diri pelatih dapat membantunya dalam penguasaan kemahiran baru dan mengukuhkan lagi pengalaman kemahiran vokasional yang sedia ada, maka pelatih akan lebih yakin, berani dan berasa bertanggungjawab dalam percubaan mengaplikasikan teknologi semasa dan kaedah aplikasinya jika diberi peluang dan dibimbing ke arah tersebut. Maka pihak berkenaan harus mengenal pasti sebarang pengalaman vokasional lampau yang ada pada setiap pelatih dan berbantuan pengalaman vokasional lampau tersebut dalam latihan vokasional yang relevan dengan bidang tersebut dengan tujuan meningkatkan dan mengembangkan kemahiran vokasional.

Untuk mengatasi masalah penempatan pekerjaan dan peluang melanjutkan pelajaran, adalah dicadangkan agar pihak institusi berkaitan mengadakan usaha sama dalam semua bengkel yang diusahakan dengan sektor industri dan institusi pengajian tinggi. Pihak yang berkuasa boleh membantu bekas pelatih untuk memastikan penempatan pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta yang bersesuaian. Kemahiran-kemahiran interpersonal dalam mengujudkan perhubungan mesra dan mengekalkan jawatan harus diajar kepada para pelatih.

### **3 Ko-Kurikulum**

Memandangkan aktiviti ko-kurikulum merupakan aktiviti yang dapat bantu meningkatkan kecerdasan mental pelajar, maka pihak sekolah hendaklah mengadakan kempen bagi menggalakkan pelatih melibatkan diri dalam aktiviti sukan dengan sepenuhnya.

Pihak sekolah juga perlulah menambah atau memperbaiki kemudahan sukan yang sedia ada supaya dapat digunakan dengan sepenuhnya yang mungkin oleh pelajar. Di samping itu juga dapat menarik minat pelatih-pelatih melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

Pihak sekolah hendaklah mewujudkan gelaran olahragawan dan olahragawati sekolah yang diukur kriteria pemilihan berdasarkan pencapaian dalam bidang ko-kurikulum . Gelaran seumpama ini boleh dijadikan perangsang kepada penerimaannya dan dikagumi oleh pelajar-pelajar lain atas kejayaannya. Di samping itu juga kejayaan dalam bidang ko-kurikulum boleh menjadi pendorong kepada kejayaan dalam bidang akademik.

### **4 Keagamaan**

Pihak sekolah disyorkan agar memberikan taklimat yang jelas mengenai objektif program sebelum sesuatu aktiviti dijalankan kerana ia akan meningkatkan kefahaman dan kecekapan guru dalam mengendalikan program berkaitan.

Guru digalakkan supaya mempelbagaikan pendekatan penyampaian yang berbeza untuk menarik minat pelatih agar program ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Guru harus mengambil inisiatif sendiri untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran mereka dengan menghadiri seminar atau pembentangan kertas kerja berkaitan dengan pendidikan terutama di dalam bidang masing-masing.

### **5 Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling**

Masalah konflik tanggung jawab antara tanggung jawab mendisiplinkan pelatih dan tanggung jawab memberi khidmat bimbingan dan kaunseling kepada pelatih harus dielakkan. Pihak institusi harus melantik kaunselor yang pakar dalam psikologi dan tetap untuk memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelatih secara khusus.

Pihak yang berkaitan boleh juga mengadakan kursus bagi kaunselor jabatan untuk mendalami pengetahuan dalam bidang psikologi kanak-kanak. Bilangan kaunselor yang bertugas juga mestilah bersesuaian dengan jumlah pelatih di institusi tersebut.

## **RUJUKAN**

- Abu Zahari Abu Bakar (1987). "Memahami Psikologi Pembelajaran." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Hussin (1988). "Panduan Umum Undang-Undang Jenayah di Malaysia." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1-7 AA.
- Abdul Hamid Kamaruddin (1991). "Program Kaca: Dibekukan atau Dikembangkan?" Kertas Kerja di Persidangan Hal Ehwal Pelajar ITM ke-2, Perlis, 9-12. Dis.
- Abdullah Hassan (2001). "Psikologi Moden untuk Bakal Pendawah." Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan (1988). (Alih Bahasa Syed Ahmad Semait). "Pendidikan Anak Dalam Islam." Jilid kedua. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Abu Bakar Lebai Mat (1982). "Pendidikan Agama dalam Pendidikan Asas." dlm. *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abu Bakar Nordin (1986). "Asas Penilaian Pendidikan." Kuala Lumpur: Heineman Malaysia Sdn. Bhd.

- Adnan Sharif (1988). "Pengaruh Jantina, Jenis Sekolah dan Kegiatan Ko-kurikulum Terhadap Personaliti Remaja yang Terbentuk oleh Rakan Sebaya: Kajian Kes di antara Sekolah Asrama Penuh dengan Sekolah Biasa di Daerah Hilir Perak." Universiti Kebangsaan Malaysia: Latihan Ilmiah.
- Ahamd bin Molyoto (2000). "Meninjau Minat Pelajar Perempuan dalam Bidang Sukan di Sekolah Menengah di Daerah Kluang." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ajzen dan Fishklivein (1977). "Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior." New Jersey: Englewood Cliffs.
- Amina Noor (1999). "Teknik Lulus Peperiksaan dengan Cemerlang." Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, 28.
- Aminah Hj. Hashim (1984). "Bimbingan dan Kaunseling." dlm. *Jurnal PERKAMA*: 1,21-27. Kuala Lumpur.
- Amir Awang (1983). "Perkhidmatan Bimbingan: Masih Belum Difahami Betul." . Kuala Lumpur: Berita Harian, 18 Feb. 1983.
- Amran Kasimin (1993). "Masalah Sosial dan Hubungannya dengan Didikan Agama." Kuala Lumpur: Dinie Publication.
- Atan Hussein (1992). "Keberkesanan Aktiviti Ko-kurikulum di 3 buah Politeknik ." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Atan Long (1976). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Atkinson (1983). "The Economics of Education." London: Hodder and Stoughton.
- Azizi Yahaya *et. al.* (1999). "Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Perlaksanaan Program di Pusat Pemulihan Akhlak di Semenanjung Malaysia." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Azizi Yahaya *et.al.* (2002). "Keberkesanan Modaliti Pusat Pemulihan Dadah: Satu Kajian Perbandingan." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Bakhtiar Mansor. (1994). "Ponteng, Suatu Pendekatan Secara Berkesan Secara Kaunseling." dlm. Aminah Hj. Hashim. "Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 165-176.
- Blatt, S.J. and Lerner, H. (1983). "Psychodynamic Perspectives on Personality Theory." In M. Hersen, A.E. Kazdin, and A.S. Bellack (eds) *The Clinical Psychology Handbook*, Oxford: Pergamon.
- Brinkerhoff, R.O. et. al (1983). "Program Evaluation: A Practitioners Guide for Trainers and Educators." Boston, Massachusetts: Kluwer Nijhoff Publishing.
- Cates, W.M. (1990). "Panduan Amalan untuk Penyelidikan." Terjemahan Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crow, L.D. and Crow, M.S. (1983). "Psikologi Pendidikan: Untuk Perguruan." (terjemahan Habibah bt Elias) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dass, M.B. (1989). "Growth of Voluntary Organizations." dlm. *Journal Kebajikan Masyarakat* Vol. 10: 43-46.
- Dusels, M.B. (1989). "Adolescent Development and Behaviour." London:Prentice-Hall.
- Eisenberg, S. & Delaney, D.J. (1977). "The Counseling Process." Chicago: Rand Mc Nally.
- Elliott, M.A. & Merrill, F.E. (1961). "Social Disorganization." 4<sup>th</sup> ed. US: Harper & Row.
- Elsier, J.R. dan Plight, J.V.D. (1988). "Attitude and Decisions." London: Routledge.
- Ginner, S. dan Garrison Jr, K.C. (1975). " Psychology of Adolescence." New Jersey:Prentice Hall.
- Tuckmen, B.W. (1988). "Conducting Educational Research." 3<sup>rd</sup> ed. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Tyler, R.W. (1950). "Basic Principles of Curriculum and Instruction." Chicago IL: The University of Chicago Press.
- Vazsonyi, A.T. and Flannery, D.J. (1997). "Early Adolescent Delinquent Behaviors: Asspcoatopms With family and School Domains." dlm. *Journal of Early Adolescent* Vol.17, No.1 August. London: Thousand Oaks. 271-293.
- Wan Rafie Abdul Rahman (1993). "Psikologi dalam Konteks: Suatu Pendekatan." Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis.
- Watkins, D. (1982). "Factors Influencing The Study Methods of Australia Tertiary Students." dlm. *Higher Education II*, 369-380.
- Widad Othman dan Syed Hadzir Jamalulail (1996). "Kemampuan Pelajar Dalam Mengaplikasi Kemahiran Hidup dalam Kehidupannya." dlm. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 2(1), 46-58.

- Williams, G. (1955). "The Definition of Crime" in J. Smith and B. Hogan (eds). "Criminal Law" (2<sup>nd</sup> ed.), London: Butterworth.
- Wolberg, L.R. (1967). "The Techniques of Psychotherapy." New York: Grune and Stratton, Inc., 3.
- Zulkifli Hamid (1986). "Persepsi Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling: Suatu kajian kes." Universiti Kebangsaan Malaysia: Latihan Ilmiah.
- Zuraidah Abdul Rahman. (1990). "Anda Ok." Singapura: Time Books International.